



Rujukan Kami  
Tarikh

: PMKL.600-1/1/2 Jld 4 (17)  
: 09 Julai 2024

Kepada,  
Bakal Pelajar Politeknik METR0 Kuala Lumpur

Saudara/i,

**PENDAFTARAN PELAJAR BAHRU SESI I: 2024/2025**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Politeknik METR0 Kuala Lumpur (PMKL) ingin mengucapkan **TAHNIAH** kepada saudara/i kerana telah berjaya menyambung pengajian di institusi ini. Terima kasih juga diucapkan kerana memilih politeknik sebagai institusi pilihan untuk menyambung pengajian saudara/i.
3. Sehubungan dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa tarikh rasmi pendaftaran bagi pelajar baharu adalah berdasarkan ketetapan berikut:

Program	Tarikh Pendaftaran	Masa Pendaftaran	Taklimat Am (Ibu/Bapa/Penjaga)
Diploma Teknologi Maklumat (DIT)		9.00 pagi – 11.00 pagi	10.00 pagi – 11.00 pagi
Diploma Pengurusan Hotel (DHM)	29 Julai 2024 (Isnin)	11.00 pagi – 1.00 tengah hari	12.00 tengah hari – 1.00 tengah hari
Diploma in Retail Operations Management (DRO)		2.00 petang – 4.00 petang	3.00 petang – 4.00 petang

Sebagai makluman, program Minggu Haluan Siswa (MHS) pelajar baharu akan bermula pada **30 Julai 2024**. Program MHS ini **WAJIB** dihadiri oleh saudara/i.

4. Bagi melancarkan proses pendaftaran, saudara/i amat digalakkan membuat pra pendaftaran secara dalam talian (online) di <http://spmp.pmk1.edu.my> dengan lebih awal bermula **15 Julai 2024**. Bayaran yuran pengajian boleh dibuat seawal **13 Januari 2024**. Pendaftaran secara dalam talian (online) di <http://spmp.pmk1.edu.my> boleh dilakukan selepas tempoh dua (2) hari bayaran yuran dibuat. Buku Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu yang mengandungi kaedah pembayaran yuran, tatacara pendaftaran dalam talian (online) serta senarai semak dokumen semasa pendaftaran boleh dimuat turun di <http://pmkl.mypolycc.edu.my>. Kegagalan untuk memuat turun dokumen pendaftaran akan merumitkan proses pendaftaran pelajar.

5. Disertakan juga beberapa makluman tambahan di <http://pmkl.mypolycc.edu.my>. sebagai rujukan dan tindakan saudara/i. Makluman tersebut adalah:-

- i. Saudara/i **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi arahan dan peraturan yang ditetapkan oleh pihak politeknik, selaras dengan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).
- ii. Maklumat ringkas bagi semua program pengajian serta bayaran uniform/kelengkapan kelas praktikal bagi pelajar yang ditawarkan program Diploma Pengurusan Hotel (DHM).
- iii. Pihak politeknik tidak menyediakan atau menguruskan penginapan asrama pelajar. Justeru itu, disertakan beberapa cadangan rumah sewa yang berdekatan politeknik untuk kemudahan penginapan saudara/i.
- iv. Kod etika berpakaian semasa hari pendaftaran (Sila rujuk **Buku Panduan Pendaftaran** untuk maklumat lanjut)


6. Saudara/i dimohon untuk mematuhi masa dan peraturan yang ditetapkan semasa sesi pendaftaran ini. Sekiranya saudara/i **TIDAK MENDAFTAR** pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan tanpa sebarang pemberitahuan, politeknik beranggapan saudara/i menolak tawaran ini.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(Ts. ROSEMAN BIN MAT JIDIN @ JIDIN)

Pengarah

